


1 JAM KUASAI TEKNIK 2B (BACA BUNYI) DIDIK HIBUR SUKU KATA KVKK 'ng' BAGI MURID PEMULIHAN KHAS

*Norhayati Abdul

Sekolah Kebangsaan Sri Gedong, Kedah

Article Info	ABSTRAK
<p>Article history: Received: 21 Jan 2025 Revised: 4 Feb 2025 Accepted: 28 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p>	<p>Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah murid Pemulihan Khas dalam kemahiran suku kata KVKK 'ng' merangkumi kemahiran 16 hingga 28 Program Pemulihan Khas. Kajian ini juga bagi meningkatkan penguasaan membaca dan menulis (2M) di kalangan murid pemulihan khas kerana kemahiran membaca dan menulis ini sangat penting bagi menilai keupayaan murid dalam kemahiran membaca. Pendekatan Teknik 2B (Baca Bunyi) didik hibur telah diperkenalkan oleh pengkaji bagi murid Kelas Pemulihan Khas di SK Sri Gedong, Sungai Petani Kedah yang tidak menguasai kemahiran suku kata KVKK 'ng'. Teknik yang sesuai menjadi pengukur kepada pengkaji bagaimanakah intervensi ini merangsang dan meningkatkan tahap penguasaan 2M di kalangan murid pemulihan. Kajian ini telah dilaksanakan kepada 39 orang murid Kelas Pemulihan Khas yang mempunyai masalah keliru bunyi suku kata awalan 'ng' dan tidak dapat menulis suku kata tersebut dengan betul. Keupayaan dan kekeliruan bunyi awalan dan perbezaan bunyi setiap suku kata KV menyukarkan murid membaca perkataan yang mengandungi suku kata KVKK 'ng' dengan sebutan yang betul. Pengkaji juga telah menjadikan Model Kemmis dan Mc Taggart (1988) sebagai panduan untuk melihat rekabentuk sepenuhnya bagaimanakah kaedah ini diaplikasikan dalam pengajaran dan penilaian. Kaedah kualitatif digunakan dimana Instrumen Diagnostik Membaca, Instrumen IPP2M, semakan kerja murid, pemerhatian, teknik sebutan dan masa diambil kira dalam kajian. Hasil dapatan kajian dapat dilihat sepenuhnya melalui data tahap penguasaan murid IPP2M dan keupayaan murid membunyikan suku kata 'ng' dan membaca semua perkataan 'ng' dengan betul. Oleh yang demikian, Teknik 2B ini sangat membantu murid pemulihan khas terutamanya dalam kemahiran membaca dan menulis perkataan 'ng' dalam masa yang singkat.</p>
<p>Keywords: murid Pemulihan Khas 1 jam Teknik 2B (baca bunyi) suku kata KVKK (ng)</p> <p></p>	

*Corresponding Author:

Email: norhayati5254@gmail.com



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14993393

PENGENALAN

Program Pemulihan Khas merupakan program Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membantu murid-murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan menulis (2M) (Bahagian Pendidikan Khas, 2003). Murid-murid yang berada di dalam kelas ini menjadi cabaran kepada pengkaji untuk mencari satu kaedah pantas yang dapat membantu murid-murid ini menguasai kemahiran suku kata 'ng' dengan baik. Suku kata 'ng' ini merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid pemulihan khas. Timbul kekeliruan sebutan dan bunyi suku kata awalan dan sebutan perkataan yang mengandungi perkataan 'ng'.

Pengkaji mendapati murid-murid di Kelas Pemulihan Bijak Bestari, SK Seri Gedong ini gagal mengeja dan menyebut suku kata 'ng' dengan betul. Murid juga sukar dan salah menyebut perkataan yang mengandungi suku kata 'ng'. Ini menjadikan murid sukar dan kurang motivasi untuk membaca perkataan yang mengandungi suku kata 'ng'. Oleh demikian, pengkaji memperkenalkan Teknik 2B (Baca Bunyi) bagi menarik minat murid membunyikan suku kata 'ng' seterusnya murid dapat menulis dengan pantas dan betul. Pendekatan ini juga menjadikan murid-murid dapat membaca petikan mudah yang mengandungi suku kata 'ng' dengan baik.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan hasil kaji selidik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sekitar 1.9 juta atau 5.8% rakyat Malaysia tidak pernah bersekolah pada tahun 2019 (Jayaganes & Jamaluddin, 2021). Laporan tersebut juga mendedahkan sehingga 72.1% pelajar tidak menyambung pengajian selepas SPM. Kaedah pembacaan yang tidak bersesuaian tentunya boleh menyebabkan murid merasa cepat bosan, kurang minat dan kemungkinan cepat mengantuk ketika membaca (Jamian, 2008; Chew, 2016). Teknik yang menarik, mudah dan pantas menjadi satu pilihan pengkaji bagi melahirkan budaya belajar yang seronok dan murid minat untuk hadir ke sekolah.

METODOLOGI KAJIAN


Bab ini membincangkan metodologi kajian yang merangkumi rekabentuk kajian, kumpulan sasaran, intervensi, impak pada responden, dan instrumen yang digunakan sebagai penilaian dan penguasaan kemahiran. Kajian ini dijalankan secara sistematik dengan langkah-langkah seperti mengenal pasti masalah, pemerhatian, perancangan, pengumpulan data, dan tindakan refleksi.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan Ujian Diagnostik digunakan untuk mengesan tahap penguasaan dan kemampuan murid dalam menguasai kemahiran suku kata KVKK 'ng'. Lembaran kerja dan hasil semakan tugas berterusan menjadi instrumen penilaian penguasaan murid pada kemahiran ini. Instrumen Penentu Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M) Tahap 1 dan Tahap 2 turut digunakan untuk mengesan tahap penguasaan kemahiran pemulihan khas.

Pengkaji menggunakan Borang Prestasi Individu sebagai rekod pencapaian individu murid bagi murid pemulihan Tahun 2 hingga Tahun 6 dalam Kelas Bijak Bestari, seramai 39 orang murid, untuk melihat kelemahan dan impak intervensi dalam PdPc. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati beberapa jenis model kajian tindakan telah digunakan, dan Model Kemmis dan McTaggart (1988) dipilih sebagai panduan utama untuk melihat sepenuhnya bagaimana kaedah ini diaplikasikan dalam pengajaran dan penilaian.

Pendekatan model ini lebih seiring dengan pelaksanaan Teknik 2B, yang memberikan impak yang sangat besar terhadap pengajaran dan pembelajaran murid. Model ini terdiri daripada lima peringkat utama: fokus kajian, perancangan, pelaksanaan, pengumpulan data, dan refleksi.

Rajah 1: Prosedur kajian tindakan berasaskan model Kemmis dan McTaggart (1988)



HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LANGKAH 1 (MENGENAL PASTI MASALAH)

Pada peringkat awal, pengkaji menggunakan Instrumen Saringan Literasi Membaca dan Menulis LINUS Tahun 2018 sebagai saringan Penguasaan murid pemulihan dan Instrumen Penguasaan Pelepasan Membaca dan Menulis (IPP2M) bagi melihat tahap penguasaan kemahiran 16 (Kemahiran Pemulihan Khas) suku kata KVKK 'ng'. Hasil dapatan Instrumen saringan pengkaji mendapati murid sukar membunyikan suku kata KVKK 'ng' kerana murid keliru dengan bunyi setiap huruf vokal yang ada pada suku kata tersebut. Murid juga sukar mengeja dengan betul dan sering salah menulis perkataan terutama ketika pengkaji menggunakan pendekatan imlak.

Kesalahan tulisan juga berlaku bila murid tidak dapat membezakan bunyi suku kata awalan KV dan teragak-agak untuk menyebut suku kata KVKK 'ng'. Kekeliruan bunyi dan ejaan menyebabkan murid membuat kesalahan bacaan dan penulisan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati murid tidak fokus dan tidak faham bagaimana membezakan bunyi bagi suku kata 'ng' dan kerap melakukan kesalahan ketika menulis suku kata awalan 'ng'. Pengkaji menekankan sebutan suku kata KV sebagai proses awalan sebutan sebelum murid diaplikasikan dengan teknik baca bunyi 'ng'.

LANGKAH 2 (MEMBUAT PEMERHATIAN AWAL DAN PERANCANGAN)

Kaedah kedua yang dilaksanakan pengkaji ialah membuat pemerhatian sepanjang pdpc berlangsung untuk melihat bagaimana murid tidak dapat membezakan suku kata awalan melalui kaedah sebelum ini dimana murid akan mengeja terlebih dahulu suku kata KVKK dan membatang. Kesukaran membezakan bunyi menyebabkan murid salah bunyi dan salah menulis suku kata awalan KVKK 'ng'. Murid juga sukar membezakan bunyi suku kata awalan KV bagi membentuk suku kata KVKK 'ng'. Hasil dapatan pemerhatian ini, pengkaji membuat intervensi yang sesuai dan memberi impak tinggi pada murid dan kesesuaian intervensi telah diperluaskan dalam Program Bantu Membaca KPM dan dapat dilihat pada Langkah 3 (Pelaksanaan Teknik 2B-Baca Bunyi).

Hasil pemerhatian awal Saringan Diagnostik yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati murid gagal membunyikan suku kata 'ng' dengan sebutan yang betul. Selain itu, murid juga sukar menulis suku kata awalan KV walaupun dibantu dengan gambar sebagai bahan rujukan. Setiap suku kata awalan KV membawa bunyi yang berlainan. Oleh itu, agak sukar murid membezakan bunyi dan salah menulis. Pengkaji memperkenalkan Teknik 2B (Baca Bunyi) sebagai intervensi murid dalam menguasai kemahiran suku kata 'ng'. Bentuk bunyi awalan KV sebelum ini telah pun dikuasai murid pada kemahiran lepas.

Bagi membolehkan murid membunyikan suku kata KV dengan betul, pengkaji meminta murid menyebut terlebih dahulu suku kata KV sebelum membunyikan suku kata 'ng'. Suku kata KV merupakan asas utama

dalam Teknik 2B. Apabila murid menguasai kemahiran ini secara tidak langsung murid dapat membunyikan suku kata ‘ng’ dengan betul. Setiap suku kata KV membawa bunyi yang berbeza. Dengan sebutan ini juga murid akan biasa dengan bunyi suku kata KV. Terdapat 4 langkah yang telah disediakan oleh pengkaji bagi melihat bagaimana proses Teknik 2B ini memberi kesan kepada PdPc murid berdasarkan *Jadual 1* hingga *Jadual 3*.

a	e	i	o	u
ba	be	bi	bo	bu
ca	ce	ci	co	cu
da	de	di	do	du
fa	fe	fi	fo	fu
ga	ge	gi	go	gu
ha	he	hi	ho	hu
ja	je	ji	jo	ju
ka	ke	ki	ko	ku
la	le	li	lo	lu
ma	me	mi	mo	mu
na	ne	ni	no	nu
pa	pe	pi	po	pu
qa	qe	qi	qo	qu
ra	re	ri	ro	ru
sa	se	si	so	su
ta	te	ti	to	tu
va	ve	vi	vo	vu
wa	we	wi	wo	wu
ya	ye	yi	yo	yu
za	ze	zi	zo	zu
Ejaan: dada,kaca,raja baca,jala,mama	Ejaan: meja,seri,beri, kera, beca,ceri	Ejaan: gigi,jari,mati, kari,lari,pari,	Ejaan: bola, sofa, foto, yoyo, zucu, lori, soto	Ejaan: kuku, pasu, batu guli, buku

Jadual 1: Carta Suku Kata KV

Pada langkah 1 ini, pengkaji memberi tumpuan kepada bagaimana murid-murid membunyikan suku kata KV dengan betul. Murid digalakkan untuk membunyikan suku kata KV secara langsung tanpa perlu mengeja terlebih dahulu. Tujuan utama kaedah ini adalah untuk memudahkan murid membunyikan suku kata dengan teknik yang betul apabila digabungkan dengan suku kata ‘ng’. Murid akan lebih mudah membunyikan suku kata ini dengan hanya menyebut suku kata KV secara berkumpulan. Biasanya, pada peringkat awal, murid pemulihan telah pun diajar kemahiran suku kata KV dan telah menguasai kemahiran suku kata KV serta KVK. Apabila murid memasuki Kemahiran ‘ng’, mereka tidak menghadapi masalah untuk mengeja dan membunyikan suku kata tersebut kerana telah diajar bagaimana menyebut suku kata KV secara langsung dan membunyikan suku kata ‘ng’ dengan pantas.

Pada peringkat ini, pengkaji memberi fokus pada mencantumkan suku kata KV+KK untuk membentuk satu bunyi yang seiring bagi memudahkan murid membunyikan suku kata ‘ng’ secara langsung. Penekanan dilakukan agar murid tidak perlu mengeja suku kata tersebut, sebaliknya mereka terus membunyikan suku kata KV dan membaca perkataan yang mengandungi suku kata ‘ng’. Kaedah bunyi awalan KV yang diperkenalkan memudahkan murid mengingat dan membunyikan suku kata ‘ng’ dengan mudah, tepat, dan pantas. Murid juga dapat mengesan kesalahan ejaan dan sebutan melalui lembaran kerja dan tugas yang diberikan oleh pengkaji. Kaedah ini menarik minat murid untuk membunyikan suku kata tersebut secara individu atau berkumpulan, serta dapat membaca semua perkataan yang mengandungi suku kata ‘ng’.

Pembelajaran selama 1 jam dengan pelbagai pendekatan pengajaran dilaksanakan untuk latihan pengukuhan dan pengayaan, supaya murid dapat menguasai kemahiran membaca perkataan ‘ng’ dengan betul. Sebelum penggunaan Teknik 2B, murid sering melakukan kesalahan membunyikan suku kata KVKK dan tidak dapat

membezakan suku kata awalan dalam perkataan yang mengandungi ‘ng’. Penekanan oleh pengkaji adalah pembelajaran yang berpusat pada murid dengan teknik baca bunyi.

Untuk kajian ini, pengkaji mendapati beberapa jenis model kajian tindakan, dan Model Kemmis dan McTaggart (1988) telah dipilih sebagai panduan untuk melihat secara sepenuhnya bagaimana kaedah ini diaplikasikan dalam pengajaran dan penilaian. Pendekatan model ini lebih seiring dengan pelaksanaan Teknik 2B yang memberikan kesan yang signifikan pada pengajaran dan impak yang sangat besar terhadap murid. Model ini mengandungi lima peringkat utama: fokus kajian, perancangan, pelaksanaan, pengumpulan data, dan refleksi.

a	e	i	o	u
ba = bang	be = beng	bi = bing	bo = bong	bu = bung
ca = cang	ce = ceng	ci = cing	co = cong	cu = cung
da = dang	de = deng	di = ding	do = dong	du = dung
fa = fang	fe = feng	fi = fing	fo = fong	fu = fung
ga = gang	ge = geng	gi = ging	go = gong	gu = gung
ha = hang	he = heng	hi = hing	ho = hong	hu = hung
ja = jang	je = jeng	ji = jing	jo = jong	ju = jung
ka = kang	ke = keng	ki = king	ko = kong	ku = kung
la = lang	le = leng	li = ling	lo = long	lu = lung
ma = mang	me = meng	mi = ming	mo = mong	mu = mung
na = nang	ne = neng	ni = ning	no = nong	nu = nung
pa = pang	pe = peng	pi = ping	po = pong	pu = pung
ra = rang	re = reng	ri = ring	ro = rong	ru = rung
sa = sang	se = seng	si = sing	so = song	su = sung
ta = tang	te = teng	ti = ting	to = tong	tu = tung
va = vang	ve = veng	vi = ving	vo = vong	vu = vung
wa = wang	we = weng	wi = wing	wo = wong	wu = wung
ya = yang	ye = yeng	yi = ying	yo = yong	yu = yung
za = zang	ze = zeng	zi = zing	zo = zong	zu = zung

Jadual 2: Carta Suku Kata KV = KVKK (ng)

LANGKAH 3 (PELAKSANAAN TEKNIK 2B-BACA BUNYI)

Hasil pemerhatian awal Saringan Diagnostik yang telah dilaksanakan, pengkaji mendapati murid gagal membunyikan suku kata ‘ng’ dengan sebutan yang betul. Selain itu, murid juga sukar menulis suku kata awalan KV walaupun dibantu dengan gambar sebagai bahan rujukan. Setiap suku kata awalan KV membawa bunyi yang berlainan. Oleh demikian agak sukar murid membezakan bunyi dan salah menulis. Pengkaji memperkenalkan Teknik 2B (Baca Bunyi) sebagai intervensi murid dalam menguasai kemahiran suku kata ‘ng’. Bentuk bunyi awalan KV sebelum ini telah pun dikuasai murid pada kemahiran lepas. Bagi membolehkan murid membunyikan suku kata KV dengan betul, pengkaji meminta murid menyebut terlebih dahulu suku kata KV sebelum membunyikan suku kata ‘ng’. Suku kata KV merupakan asas utama dalam Teknik 2B. Bila murid menguasai kemahiran ini secara tidak langsung murid dapat membunyikan suku kata ‘ng’ dengan betul. Setiap suku kata KV membawa bunyi yang berbeza. Dengan sebutan ini juga murid akan biasa dengan bunyi suku kata KV. Terdapat 4 langkah yang telah disediakan oleh pengkaji bagi melihat bagaimana proses Teknik 2B ini memberi kesan kepada pdpc murid. Rujuk langkah 1 hingga langkah 3 carta suku kata yang telah disediakan oleh pengkaji.

Pada langkah 3, murid telah menguasai kemahiran bunyi suku kata ‘ng’ dan secara tidak langsung dapat membaca semua perkataan yang mengandungi suku kata ‘ng’ dengan betul. Murid dapat membaca petikan mudah ‘ng’ dan membina ayat mudah atau pendek dengan perkataan berikut. Pengukuhan imlak dan sebutan secara rawak menjadi aktiviti utama dalam pdpc bagi memantapkan penguasaan murid pada kemahiran ini. Pengkaji mendapati dalam tempoh 1 jam PdPc murid dapat menguasai keseluruhan kemahiran 16-27 dengan

mudah dan budaya baca bunyi secara pemusatan murid juga turut diterapkan dalam Program Bantu Membaca KPM bagi semua murid tahap 1 dan tahap 2. Pengajaran secara lebih jelas dapat dilayari melalui pautan QR kod berikut.

Bil.	KV	KK	KVKK	Perkataan
1.	ba	ng	bang	subang
2.	ku	ng	kung	kangkong
3.	gi	ng	ging	daging
4.	yu	ng	yung	gayung
5.	to	ng	tong	sotong
6.	ru	ng	rung	burung
7.	bi	ng	bing	belimbing
8.	pa	ng	pang	senapang
9.	si	ng	sing	gasing
10.	te	ng	teng	loteng


Jadual 2: Carta Suku Kata KV + Perkataan (ng)

Rajah 2: Video PdPc teknik 2B kelas bijak best


Merujuk kepada *Rajah 3*, pengkaji mendapati murid-murid gagal mengesan bunyi suku kata awalan KV kerana murid masih menggunakan kaedah lama iaitu menyebut huruf satu persatu. Murid juga terpaksa ulang semula sebutan sekiranya gagal membunyikan suku kata 'ng' dengan betul. Proses ini menjadikan murid keliru dan tidak dapat membezakan setiap bunyi suku kata KVKK yang dihasilkan. Kesilapan ejaan juga berlaku ketika menulis kerana kegagalan murid membezakan bunyi suku kata KVKK. Murid juga mengambil masa yang lama untuk membunyikan suku kata awalan KV sahaja.

Bagi *Rajah 4*, peringkat pelaksanaan Teknik 2B sedang dijalankan. Murid masih lagi melakukan kesilapan ejaan ketika menulis. Pengkaji sentiasa meminta murid menyebut terlebih dahulu suku kata awalan KV bagi memastikan tidak berlaku kesalahan ejaan semasa menulis perkataan 'ng'. Teknik ini juga memudahkan murid mengesan bunyi awalan dan mengesan kesalahan sebutan dan ejaan masing-masing. *Rajah 4* menunjukkan hasil dan impak intervensi Teknik 2B dimana murid-murid dapat menulis dengan ejaan yang betul dan dapat membetulkan sendiri kesalahan menulis suku kata awalan KV. Ini dapat dilihat pada *Rajah 2* dimana murid dapat membaca suku kata KVKK dengan teknik yang betul dan dapat menguasai kemahiran menulis 'ng' dengan betul. Proses membunyikan suku kata 'ng' sangat penting dalam kemahiran Teknik 2B kerana kemahiran ini paling banyak dan perlu dikuasai oleh murid dalam kajian. Pengkaji menyediakan jadual suku kata KVKK bagi memudahkan murid mengikut langkah-langkah yang betul ketika menyebut suku kata 'ng' dengan teknik pantas.

Rajah 3: Sebelum Pelaksanaan Teknik 2B



Rajah 4: Selepas Pelaksanaan Teknik 2B



Perbezaan dapat dilihat sepenuhnya sebelum pelaksanaan Teknik 2B banyak kelemahan dan kesulitan berlaku pada murid dimana murid gagal menulis dan mengeja dengan betul. Kaedah 2B (baca bunyi) ini menjadi pengajaran lebih mudah dan murid dapat memahami dan membezakan setiap suku kata (ng) yang dibunyikan. Semua perkataan menjadi lebih mudah untuk ditulis dan dibaca dengan kaedah yang lebih sistematik dan tersusun bunyi dan gayanya. Masa yang cepat dan pantas mengurangkan masa murid berada pada kemahiran yang sama terlalu lama. Kaedah baca bunyi menjadi platform bagi murid dapat menyesuaikan setiap perbezaan suku kata (ng) dengan mudah dan pantas.

LANGKAH 4 (PENGUMPULAN DATA)

Berdasarkan data di *Jadual 4*, kajian ini melibatkan 39 orang murid Pemulihan Khas Kelas Bijak Bestari SK Seri Gedong yang telah mengikuti pembelajaran di Kelas pemulihan hampir 4 tahun. Terdapat 23 orang murid di Tahun 2 dan Tahun 3 yang baru sahaja mengikuti Kelas Pemulihan Khas ini. Pengkaji mendapati Teknik 2B ini sangat merangsang minda dan minat murid dalam pembelajaran. Kaedah baca bunyi suku kata 'ng' membolehkan murid menguasai kemahiran suku kata dengan mudah dan cepat dalam masa 1 jam sahaja. Pada peringkat ini juga murid-murid telah didedahkan dengan bacaan mudah dan petikan mudah bagi melancarkan sebutan dan bacaan murid. Kaedah yang betul dan tepat ditekankan pengkaji bagi membantu murid-murid Kelas Pemulihan Khas mengikut pembelajaran dengan mudah dan dapat kembali ke kelas perdana. Matlamat

sekolah untuk meningkatkan bilangan murid menguasai kemahiran membaca di bawah Program Bantu Membaca KPM 2023 SK Seri Gedong akan dapat dicapai dalam tempoh 3 bulan. Kerjasama semua guru yang diterapkan dengan Intervensi Teknik 2B ini menjadikan Sasaran Sifar Pemulihan SKSG 2024 akan tercapai sepenuhnya bagi melahirkan murid celik baca.

Kod Murid	Tahun	<1 Jam	>1 Jam	Catatan
M1	6 Akik	/		Perdana
M2	6 Akik	/		Perdana
M3	6 Akik		/	MBPK
M4	5 Zamrud	/		Perdana
M5	5 Zamrud	/		Perdana
M6	5 Zamrud	/		Perdana
M7	5 Zamrud	/		Perdana
M8	5 Zamrud	/		Perdana
M9	5 Zamrud	/		Perdana
M10	5 Mutiara	/		Perdana
M11	4 Nilam	/		Perdana
M12	4 Zamrud	/		Perdana
M13	4 Zamrud	/		Perdana
M14	4 Zamrud	/		Perdana
M15	4 Zamrud	/		Perdana
M16	4 Zamrud		/	MBPK
Jumlah		14	2	16

Jadual 4: Penguasaan kemahiran suku kata (ng) Tahap 2

Bil	Kod Murid	Tahun	<1 Jam	>1 Jam	Catatan
1	M1	3 Akik	/		Perdana
2	M2	3 Akik	/		Perdana
3	M3	3 Akik	/		Perdana
4	M4	3 Akik	/		Perdana
5	M5	3 Akik	/		Perdana
6	M6	3 Akik	/		Perdana
7	M7	3 Akik	/		Perdana

Jadual 5: Penguasaan kemahiran suku kata 'ng' Tahap 1

LANGKAH 5 (REFLEKSI DAN TINDAKAN)

Pengkaji telah menjalankan Saringan Pelepasan menggunakan Instrumen Penguasaan Membaca dan Menulis (IPP2M) sebagai pengukuran tahap penguasaan murid dan kaedah merekod bacaan semasa murid digunakan dimana setiap murid dikehendaki membaca 10 perkataan 'ng' setiap kali sesi pdpc berlangsung. Melalui pengajaran dan pemerhatian pengkaji juga dapat melihat perubahan besar telah berlaku pada beberapa orang murid terutama murid Tahun 6 Akik dan 5 Zamrud kerana murid dapat membaca dengan sebutan yang lancar. Justeru setelah kajian ini dilaksanakan semua murid akan dapat mencapai objektif seperti berikut:

1. Memudahkan murid membunyikan suku kata 'ng' dengan cepat dan mudah.
2. Meningkatkan daya ingatan dan budaya belajar secara didik hibur membaca perkataan yang mengandungi suku kata 'ng' dengan mudah.
3. Murid-murid dapat menulis dengan ejaan yang betul dan meningkatkan tahap bacaan murid dalam tempoh masa yang singkat.

KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Secara keseluruhan, Teknik 2B ini sangat membantu murid-murid pemulihan menguasai kemahiran suku kata 'ng' dengan mudah. Namun amalan terbaik pdpc ini perlu dimantapkan lagi pada masa hadapan dengan memperluaskan inovasi teknik ini kepada sekolah rendah, sekolah menengah, Prasekolah, tadika dan Murid-murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) kerana Teknik 2B menekankan bentuk bunyi yang mudah. Teknik ini juga merangsang minda dan keupayaan murid untuk membunyikan suku kata dengan pantas. Kreativiti murid juga dapat dilihat melalui pembelajaran TS25 dimana pembelajaran secara kolaboratif dan kreatif diterapkan supaya budaya pembelajaran menjadi lebih menarik dalam tempoh 1 jam. Kaedah pengajaran secara individu dan berkumpulan dengan pelbagai kreativiti menjadikan murid minat hadir ke sekolah. Sifar pemulihan akan tercapai sepenuhnya sekiranya guru dan pihak sekolah memanfaatkan teknik ini kepada semua murid Tahun 1 dan murid Pemulihan Khas. Hasil kajian ini juga menjadi pemangkin kelestarian pendidikan madani bagi melahirkan anak yang bijak lagi cerdik. Keciciran peringkat sekolah rendah dapat dikurangkan dengan pendidikan menjadi satu keutamaan bagi murid sekolah rendah.

RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Khas. (2003). *Buku panduan program pemulihan khas*, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-12.
- Jamian, A. R. (2008). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Jayaganes, B., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.